

Wacana Ujaran Campur Kod Dalam Filem *La Luna* (2023)

Code-Mixed Speech Discourse in the Film *La Luna* (2023)

Azean Idruwani Idrus* & Wan Nur Mariah Wan Mohd Ghazni
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Kampus Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

Submitted: 6/8/2025. Revised edition: 19/9/2025. Accepted: 23/9/2025. Published online: 30/11/2025

ABSTRAK

Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai masyarakat daripada pelbagai bangsa dan latar belakang. Oleh itu, penggunaan campur kod tidak asing lagi digunakan dalam komunikasi seharian. Walau bagaimanapun, penggunaan campur kod dalam filem menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat untuk memahami makna perkataan. Hal ini juga menyebabkan masyarakat lebih mudah untuk terpengaruh untuk menggunakan campur kod dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan campur kod dalam filem *La Luna* (2023) dan menganalisis faktor-faktor percampuran kod berdasarkan Teori Holmes (2008). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpulkan data kajian. Terdapat empat faktor yang dapat dikenal pasti iaitu faktor peserta, solidariti dan status, faktor topik, faktor kesan afektif dan faktor peminjaman leksikal. Dapatan kajian mendapati penggunaan campur kod dalam filem ini dapat menyampaikan naratif penceritaan dengan lebih tepat dan dapat memberikan kesan yang lebih dramatik. Namun, hal ini juga dapat memberikan kesan kepada pemahaman dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Campur kod, wacana, ujaran, filem, media

ABSTRACT

Malaysia is known for its diverse population, comprising various races and backgrounds. As a result, code-switching has become a common practice in everyday communication. However, the use of code-switching in films can create confusion for viewers trying to understand the meanings of certain words. It also influences the audience to adopt code-switching in their daily lives. This study aims to examine the use of code-switching in the film *La Luna* (2023) and to analyze the factors contributing to it based on Holmes's Theory (2008). The research employs qualitative methods. Four main factors are identified: the participant factor, solidarity and status, topic factor, affective effect factor, and lexical borrowing factor. The findings of this study indicate that code-switching in the film enhances storytelling and adds dramatic effect. However, it may also impact the understanding and usage of the Malay language within the community.

Keywords: Code-switching, discourse, speech, film, media

*Correspondence to: Azean Idruwani Idrus (email: azeanidruwaniidrus@iiium.edu.my)

1.0 PENGENALAN

Fenomena percampuran kod merujuk kepada amalan penggunaan dua bahasa atau lebih oleh penutur yang mempunyai kecekapan dwibahasa atau multibahasa, dan lazimnya berkait rapat dengan konteks masyarakat majmuk yang berlatarkan kepelbagaian etnik, budaya dan adat resam. Menurut Mimi Suhana *et al.* (2021), percampuran kod berlaku apabila penutur menyisipkan unsur linguistik daripada bahasa lain dalam satu struktur ayat semasa berkomunikasi, sama ada secara sedar atau tidak sedar. Faktor mobiliti sosial dan perpindahan penduduk turut menyumbang kepada berlakunya fenomena ini. Seperti yang dinyatakan oleh Mazlina Ahmad *et al.* (2023), individu yang berhijrah ke negeri lain membawa bersama dialek, latar etnik, kepercayaan agama dan identiti budaya masing-masing, yang akhirnya mempengaruhi ataupun dipengaruhi oleh masyarakat setempat. Dalam konteks ini, percampuran kod menjadi medium adaptasi sosial dan refleksi identiti silang budaya. Tambahan pula, percampuran kod tidak hanya terbatas kepada pertuturan harian, malah semakin meluas penggunaannya dalam medium perfileman. Menurut Nur Ilyani dan Nora'Azian (2020), perkembangan industri perfileman tempatan menyaksikan peningkatan signifikan penggunaan campur kod sebagai satu bentuk gaya bahasa kontemporari yang dianggap 'trendy' dan lebih dekat dengan realiti komunikasi masyarakat urban. Dialog dalam filem sering menjadi cerminan kepada bahasa semasa dan seterusnya membentuk norma linguistik dalam kalangan penonton. Perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga telah mengubah landskap penggunaan bahasa dalam masyarakat. Seperti yang dihiraukan oleh Norasiah Masri dan Ernawita Atan (2022), pengaruh media digital dan aplikasi komunikasi pintar telah mempercepatkan penyebaran bentuk-bentuk bahasa hibrid seperti campur kod yang kini semakin diterima dalam pelbagai domain, termasuk hiburan, pendidikan, dan penyiaran. Dalam konteks filem, ujaran yang disampaikan oleh pelakon terkenal mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi tabiat linguistik penonton. Anne dan Saidatul (2020) menyatakan bahawa penggunaan campur kod oleh pelakon popular dalam filem boleh membentuk trend bahasa dan secara tidak langsung mempengaruhi norma pertuturan dalam kalangan masyarakat umum. Penggunaan frasa atau struktur ayat campur kod ini, meskipun bersifat kreatif, boleh mendatangkan implikasi negatif terhadap pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu yang standard. Kekeliruan makna, kecelaruan tatabahasa dan penyimpangan daripada norma baku merupakan antara kesan yang dikenal pasti apabila campur kod digunakan tanpa kawalan. Hal ini boleh menyumbang kepada fenomena kerancuan bahasa dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda yang menjadikan filem sebagai rujukan linguistik utama. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti bentuk percampuran kod yang digunakan dalam filem *La Luna* (2023) serta menganalisis faktor-faktor linguistik dan sosiolinguistik yang mencetuskan penggunaannya dalam wacana filem.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan literatur ini menggariskan kepelbagaian pendekatan penyelidikan terhadap fenomena percampuran kod (code-mixing) dalam dua konteks utama, iaitu media sosial dan bahan tontonan. Kajian-kajian yang dikupas menunjukkan bahawa percampuran kod telah menjadi satu norma linguistik dalam landskap komunikasi masyarakat pelbagai bahasa seperti Malaysia. Dalam konteks media sosial, kajian

oleh Mimi Suhana *et al.* (2021) serta Norasiah dan Ernawita (2022) menumpukan kepada analisis kandungan mesej dan iklan di platform seperti Instagram dan WhatsApp. Mereka mendapati bahawa fungsi percampuran kod paling dominan ialah fungsi sikap, sementara fungsi instrumental adalah paling kurang digunakan. Kajian-kajian ini menyimpulkan bahawa persepsi terhadap bahasa kedua sebagai simbol status dan gaya hidup mempengaruhi penggunaan percampuran kod secara meluas, terutamanya dalam kalangan peniaga dan pengguna media sosial.

Sementara itu, kajian oleh Mohamad Zaid dan Zalida (2022) membuka dimensi baharu apabila meneliti fenomena ini dalam kalangan pelajar Malaysia di China yang menggunakan lebih daripada dua bahasa. Penggunaan bahasa ketiga dalam situasi pengesahan makna dan kekurangan padanan istilah dalam bahasa Melayu dikenal pasti sebagai faktor dominan. Dapatan ini disokong oleh teori Holmes (2008) yang menjelaskan faktor topik dan kekangan leksikal sebagai pemicu utama percampuran kod dalam komunikasi harian.

Dalam konteks bahan tontonan, fenomena percampuran kod dianalisis menerusi skrip filem dan drama. Kajian oleh Mohamad Yusrizal dan Mohamad Suhaizi (2021) mengaplikasikan pendekatan analisis teks terhadap dialog filem *Polis Evo*, dan mengenal pasti penggunaan kod ekspresif sebagai satu strategi linguistik bagi membina emosi dan kekuatan naratif. Kajian ini memperlihatkan dominasi dialek dan kolokasi dalam membina nuansa tempatan. Kajian oleh Nur Ilyani Natasha dan Nora'Azian (2020) pula menunjukkan bahawa bentuk kata pinjaman dan pancangan frasa adalah bentuk utama percampuran kod dalam filem *Paskal*, manakala fungsi laras bahasa memainkan peranan penting dalam menyokong realisme penceritaan. Dalam drama *The Hotel* pula, Noorhafizah dan Zulfadzlee (2022) mendapati lapan fungsi percampuran kod, termasuk fungsi pengulangan dan fungsi sosialisasi, digunakan untuk menyampaikan maklumat dan membina konteks sosial watak.

Secara keseluruhannya, sorotan ini menunjukkan bahawa percampuran kod yang berlebihan dalam bahan tontonan dikhuatiri boleh menjejaskan penguasaan bahasa Melayu dan menimbulkan kekeliruan dalam pemahaman khalayak. Justeru, kajian lanjut yang meneliti faktor percampuran kod secara lebih sistematik amat diperlukan untuk memahami implikasinya terhadap perkembangan bahasa dan pembentukan identiti linguistik dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian dan transkripsi dialog yang diujarkan oleh watak-watak dalam filem *La Luna* (2023). Dialog yang dilontarkan yang mengandungan unsur percampuran kod akan ditranskripsi dan disusun dengan teliti melalui kaedah ini. Hal ini supaya pengkaji dapat mengenal pasti fungsi percampuran kod yang digunakan dalam filem *La Luna* (2023) untuk dianalisis secara terperinci. Transkripsi dialog seterusnya akan dilakukan dan dibahagikan dalam bentuk jadual dengan merujuk kepada teori Holmes (2008). Analisis kandungan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi melihat fenomena percampuran kod yang berlaku dalam filem *La Luna* (2023) khususnya meneliti faktor percampuran kod yang digunakan. Kaedah kepustakaan digunakan dengan melakukan penelitian terhadap bahan bacaan seperti artikel, jurnal, buku-buku ilmiah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan percampuran kod.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Faktor Peserta, Solidariti dan Status

Faktor peserta, solidariti dan status memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi penggunaan percampuran kod dalam pertuturan. Menurut Holmes (2008), keberadaan peserta lain dalam sesebuah interaksi lisan sering kali mendorong penutur untuk mengubah kod bahasa sebagai manifestasi penghormatan, pengiktirafan terhadap kedudukan sosial, serta usaha menyesuaikan diri dengan latar belakang linguistik pendengar. Strategi ini dilihat sebagai sebahagian daripada usaha membina solidariti atau menzahirkan hierarki status antara penutur dan peserta baharu. Justeru, percampuran kod bukan semata-mata fenomena linguistik semula jadi, tetapi digunakan untuk mengurus hubungan sosial, mencerminkan status, serta memelihara keharmonian komunikasi dalam konteks sosial yang pelbagai.

Jadual 1 Faktor Peserta, Solidariti dan Status

Watak	Dialog
Hanie	Hanie Ohh macam tu <i>off on off on</i> . Nasib baik awak bagitau saya, ada apa-apa lagi awak nak <i>mansplain</i> kat saya?
Salihin	<i>Mansplain</i> tu apa?

Jadual 1 memaparkan satu interaksi dialog antara watak Hanie dan Salihin yang menonjolkan penggunaan fenomena percampuran kod melalui istilah *mansplain*. Istilah ini, yang merupakan gabungan daripada kata bahasa Inggeris *man* (lelaki) dan *explain* (menerangkan), membawa makna konotatif tertentu yang merujuk kepada gaya penerangan oleh lelaki kepada wanita dalam nada yang merendahkan atau memperlekehkan. Dalam konteks wacana ini, penggunaan istilah *mansplain* oleh watak Hanie dapat ditafsirkan melalui lensa faktor peserta, solidariti, dan status sebagaimana yang diperjelaskan oleh Holmes (2008), yang menyatakan bahawa pencampuran kod berlaku bukan sahaja sebagai lambang keakraban, tetapi juga sebagai mekanisme untuk menjarakkan hubungan sosial. Penggunaan istilah *mansplain* oleh Hanie merupakan strategi linguistik yang disengajakan untuk menyatakan penolakan terhadap tindakan Salihin yang menerangkan secara mendominasi berkaitan suis rumah lama tersebut. Tindak balas Hanie, yang berperanan sebagai wanita berstatus tinggi dan berlatarbelakangkan kehidupan bandar serta kerjaya korporat, menggunakan kod bahasa Inggeris bukan semata-mata untuk menyalurkan mesej literal, tetapi sebagai medium sarkastik yang secara halus menegaskan jurang status sosial dan intelektual antara dirinya dan Salihin, seorang pegawai polis tempatan dari kawasan luar bandar. Keengganan Salihin memahami maksud istilah tersebut mengukuhkan lagi keberkesanan strategi percampuran kod sebagai alat komunikasi eksklusif yang memperlihatkan dominasi simbolik dalam interaksi. Menurut Mimi Suhana *et al.* (2021), penggunaan percampuran kod sering kali dikaitkan dengan usaha penutur untuk menonjolkan identiti sosial yang berprestij, terutamanya dalam konteks komunikasi yang melibatkan persepsi terhadap pendidikan, kebolegunaan bahasa kedua, dan latar belakang bandar. Oleh itu, tindakan Hanie tidak hanya berfungsi sebagai ekspresi linguistik, malah memperlihatkan pengurusan identiti dan kedudukan sosial melalui strategi linguistik. Dalam konteks ini, penggunaan percampuran kod oleh Hanie membolehkan penutur mengawal naratif dan membina wacana dominan dalam perbualan. Keseluruhannya, penggunaan percampuran kod dalam situasi ini tidak sekadar berlaku secara spontan, tetapi berfungsi sebagai satu mekanisme kuasa yang mengatur struktur interaksi sosial dan hubungan antara watak. Maka, dapat

dirumuskan bahawa dalam wacana media, percampuran kod bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian linguistik, tetapi turut menjadi alat strategik untuk menzahirkan status, memposisikan identiti, dan mengawal dinamika sosial dalam sesebuah interaksi komunikatif.

Jadual 2 Faktor Peserta Solidariti dan Status

Watak	Dialog
Azura	<i>Come on, i'll be a great assistant.</i> Janji. <i>I</i> pandai buat <i>accounts</i> , <i>I</i> ada banyak <i>free time</i> lepas sekolah <i>and I know quirks</i> orang kampung ni semua.
Hanie	And what would the chief police think about this arrangement?
Azura	Lahh nanti <i>I handle</i> la abah <i>I</i> tu. Dia pun <i>confirm</i> mesti okay punya. <i>Come on. I</i> Habis sekolah pukul 2, 2 suku macam tu <i>I</i> boleh datang dan boleh <i>start</i> kerja. <i>You</i> takkan menyesal
Hanie	Right...Then why do I feel that I would regret this
Azura	<i>You... won't.</i> Janji
Hanie	Ehhh Cik Enah, apa khabar. <i>See i know people</i>
Azura	<i>Hi</i> kak enah. Nak saya <i>recommend</i> apa apa ke?

Jadual 2 menggariskan interaksi linguistik antara dua watak utama, Azura dan Hanie, yang berlangsung dalam kedai *La Luna*. Perbualan ini memperlihatkan penggunaan percampuran kod yang signifikan, khususnya oleh Azura, yang dilihat menuturkan beberapa ungkapan dalam bahasa Inggeris seperti *I'll be a great assistant*, *accounts*, *free time*, *quirks*, *handle*, *confirm*, *come on*, *see I know people*, serta penggunaan kata ganti nama diri *I* dan *you*. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui dimensi sociolinguistik yang berkait rapat dengan faktor peserta, solidariti, dan status sebagaimana yang diuraikan oleh Holmes (2008). Penggunaan kod bahasa Inggeris oleh Azura dapat ditafsirkan sebagai satu usaha untuk menyelaraskan gaya pertuturannya dengan latar sosiobudaya Hanie yang digambarkan sebagai seorang usahawan wanita berjaya dari bandar. Latar belakang ini bukan sahaja memperlihatkan perbezaan status sosial, tetapi turut mempengaruhi jangkaan linguistik terhadap gaya komunikasi dalam domain perniagaan yang sememangnya cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai lingua franca. Maka, penggunaan percampuran kod oleh Azura bukan sekadar mencerminkan sikap hormat terhadap status Hanie, tetapi juga berfungsi sebagai bentuk penyesuaian linguistik terhadap konteks interaksi, yakni antara pemohon dan individu berautoriti yang berperanan sebagai majikan. Lebih signifikan, keberadaan pihak ketiga dalam perbualan, iaitu watak Cik Enah turut mempengaruhi dinamik percampuran kod. Peralihan kod oleh Azura daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris “Ehh Cik Enah, apa khabar?” kepada *see I know people* menunjukkan strategi komunikasi yang berbeza berdasarkan profil peserta yang terlibat. Sementara itu, Hanie yang lazimnya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris turut melibatkan kod bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan Cik Enah, seorang watak tempatan yang ditampilkan sebagai lebih selesa dengan bahasa Melayu. Situasi ini memperkukuhkan dapatan bahawa pemilihan kod dalam interaksi sosial adalah sangat bergantung kepada identiti peserta, hubungan sosial, dan keperluan kontekstual. Menurut Holmes (2008), percampuran kod boleh digunakan untuk membina atau menjarakkan hubungan sosial, dan dalam konteks ini, Azura dan Hanie menggunakan strategi percampuran kod bukan sahaja untuk menunjukkan adaptasi sosial, tetapi juga sebagai mekanisme pembinaan solidariti dan penghormatan terhadap kehadiran peserta lain yang berbeza latar budaya dan status. Justeru, dapat dirumuskan bahawa penggunaan percampuran kod dalam perbualan antara Azura dan Hanie tidak berlaku secara arbitrari, tetapi merupakan refleksi strategi sociolinguistik yang kompleks,

berasaskan faktor peserta, solidariti, dan status. Perkara ini turut mengesahkan premis bahawa percampuran kod berperanan sebagai alat komunikasi yang fleksibel dan berfungsi dalam menyesuaikan hubungan antara individu dalam konteks interaksi sosial yang pelbagai.

Faktor Topik

Faktor topik merupakan antara elemen utama yang mendorong berlakunya percampuran kod dalam wacana lisan dan tulisan, khususnya apabila penutur membincangkan kandungan berkaitan bidang-bidang khusus seperti sains, teknologi, undang-undang, dan ekonomi. Dalam konteks ini, penutur cenderung mencampurkan bahasa asal dengan bahasa kedua. Lazimnya bahasa Inggeris untuk menyampaikan maklumat secara lebih tepat dan efisien. Penggunaan kod daripada bahasa kedua ini didorong oleh ketiadaan istilah padanan yang setara dalam bahasa Melayu atau kerana istilah tersebut telah mantap digunakan dalam komuniti profesional dan akademik. Menurut Holmes (2008), percampuran kod atas dasar topik berlaku apabila penutur memilih bahasa tertentu yang dianggap lebih sesuai atau dominan dalam domain perbincangan yang sedang berlangsung. Faktor topik memainkan peranan penting dalam mempengaruhi percampuran kod kerana ia berkait rapat dengan keperluan terminologi yang tepat, kefahaman bersama dalam kalangan komuniti wacana, serta pengiktirafan budaya terhadap keutuhan istilah tersebut dalam bahasa sumbernya.

Jadual 3 Faktor Topik

Watak	Dialog
Salihin	Lesen. Dari mana cik puan
Hanie	Saja jalan jalan makan angin. Apa kesalahan saya ni <i>officer? Brake light</i> saya rosak ke? Saya <i>speeding</i> ke?

Jadual 3 memperlihatkan penggunaan percampuran kod dalam situasi wacana apabila watak Hanie berinteraksi dengan pegawai polis, Salihin, dalam konteks undang-undang jalan raya. Hanie, yang ditahan atas kesalahan melanggar peraturan lalu lintas, telah menggunakan istilah bahasa Inggeris seperti *officer*, *brake light*, dan *speeding* dalam ujarannya. Ketiga-tiga istilah ini merujuk secara langsung kepada elemen dalam bidang perundangan trafik yang lazim digunakan dalam komunikasi awam di Malaysia. Walaupun istilah padanan dalam bahasa Melayu wujud, iaitu ‘pegawai’, ‘lampu brek’, dan ‘memandu laju’, bentuk asal dalam bahasa Inggeris lebih dominan digunakan, khususnya dalam persekitaran dwibahasa seperti Malaysia.

Fenomena ini menegaskan pengaruh faktor topik dalam memotivasi penggunaan campur kod. Holmes (2008) menjelaskan bahawa dalam domain profesional dan teknikal tertentu, penutur cenderung menggunakan kod bahasa kedua apabila istilah tersebut lebih mapan atau lebih sesuai dalam konteks yang sedang dibincangkan. Dalam kes ini, topik undang-undang jalan raya merupakan domain yang didominasi oleh istilah pinjaman bahasa Inggeris yang telah diterima secara meluas dalam kalangan pengguna jalan raya di Malaysia. Kebergantungan kepada istilah bahasa Inggeris bukan sahaja berpunca daripada kekosongan leksikal atau terjemahan yang kurang tepat, tetapi juga berkait rapat dengan kebiasaan pengguna dan persepsi terhadap keautentikan serta kejelasan makna yang disampaikan melalui istilah tersebut (Anne dan Saidatul, 2020). Walaupun campur kod digunakan, ujaran Hanie masih difahami dengan jelas oleh Salihin. Perkara ini memperlihatkan bahawa istilah seperti *brake light* dan *speeding*

telah diinstitusikan dalam pertuturan harian dan tidak lagi dianggap sebagai unsur asing. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa percampuran kod yang berasaskan faktor topik dalam wacana filem mencerminkan realiti penggunaan bahasa dalam masyarakat dwibahasa. Malah, penggunaan istilah teknikal dalam bahasa Inggeris seperti yang dituturkan oleh Hanie berfungsi bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai refleksi terhadap keterbiasaan linguistik masyarakat moden yang hidup dalam persekitaran berbilang bahasa dan budaya. Kesimpulannya, dapatan ini memperkukuh hujahan bahawa faktor topik merupakan pendorong signifikan kepada penggunaan campur kod dalam wacana filem. Selain menggambarkan kesahihan penggunaan dalam domain khusus seperti perundangan trafik, ia turut mencerminkan peralihan norma bahasa dalam masyarakat yang semakin menerima campur kod sebagai satu konvensi dalam komunikasi harian.

Jadual 4 Faktor Topik

Watak	Dialog
Hanie	Okay boleh, boleh. Kasi hanie <i>wrap</i> yang ini dulu tapi pasal kak enah <i>first customer</i> La Luna, yang ini saya kasi
Azura	<i>On the house</i>

Dalam konteks wacana perniagaan, penggunaan percampuran kod melibatkan istilah-istilah bahasa Inggeris semakin menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya dalam situasi perniagaan antara komuniti bandar dan luar bandar. Jadual 4 menunjukkan beberapa contoh ujaran percampuran kod seperti *wrap*, *first customer*, dan *on the house* yang digunakan oleh watak dalam interaksi bersama pelanggan. Istilah *wrap* yang membawa maksud ‘bungkus’ dalam bahasa Melayu, dipilih oleh watak Hanie kerana ia dianggap lebih ringkas, bersifat global, dan mudah dilafazkan serta difahami dalam konteks transaksi jual beli. Begitu juga dengan penggunaan istilah *first customer* yang menggantikan ‘pelanggan pertama’, mencerminkan kecenderungan penggunaan kod bahasa Inggeris dalam menandai identiti profesional perniagaan yang lebih kontemporari dan global. Penutur, dalam hal ini Hanie, secara strategik menggunakan istilah bahasa Inggeris walaupun sedang berinteraksi dengan pelanggan dari komuniti luar bandar. Hal ini menunjukkan bahawa istilah dalam bahasa Inggeris yang berkaitan dengan bidang perniagaan telah diinstitusikan dalam norma linguistik harian dan difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar sosiolinguistik mereka. Fenomena ini disokong oleh pandangan Holmes (2008) yang menjelaskan bahawa pemilihan kod dalam pertuturan sering dipengaruhi oleh domain dan konteks, serta persepsi terhadap status sosial dan profesional kod bahasa yang digunakan. Namun begitu, penggunaan simpulan bahasa seperti *on the house* oleh watak Azura menambah lapisan yang lebih kompleks dalam percampuran kod. Istilah tersebut tidak boleh diterjemahkan secara literal kepada bahasa Melayu (‘atas rumah’) kerana akan menyebabkan kekeliruan makna. Sebaliknya, ia membawa maksud budaya yang lebih idiomatik, iaitu ‘percuma’, yang lazim digunakan dalam konteks perniagaan untuk merujuk kepada pemberian tanpa bayaran kepada pelanggan, terutamanya dalam situasi promosi. Menariknya, walaupun frasa tersebut bersifat idiomatik dan jarang ditemui dalam penggunaan harian dalam kalangan masyarakat luar bandar, watak Cik Enah tetap dapat memahaminya. Keadaan ini membuktikan bahawa penyerapan frasa-frasa idiomatik Inggeris dalam konteks perniagaan bukan sahaja telah diterima bahkan difahami oleh khalayak dengan latar belakang linguistik yang pelbagai. Dapatan ini menzahirkan bahawa penggunaan percampuran kod dalam bidang perniagaan telah merentas sempadan geolinguistik, memperlihatkan sifat adaptif masyarakat dalam menerima kod bahasa kedua dalam domain sosial tertentu. Tambahan pula, kewujudan istilah bahasa

Inggeris dalam komunikasi perniagaan yang difahami secara meluas mengukuhkan idea bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai medium pertuturan, tetapi turut mencerminkan nilai sosial, status, dan identiti profesional penutur (Mimi Suhana *et al.*, 2021; Anne dan Saidatul, 2020). Secara tuntas, percampuran kod dalam bidang perniagaan bukanlah satu fenomena linguistik yang asing dalam masyarakat Malaysia masa kini. Sebaliknya, ia merupakan satu bentuk adaptasi linguistik terhadap keperluan konteks, yang memperlihatkan tahap kefasihan masyarakat dalam menginterpretasikan makna dan nuansa bahasa kedua dengan berkesan serta berfungsi sebagai pemangkin komunikasi yang efisien merentasi latar budaya dan sosial.

Faktor Kesan Afektif

Penggunaan campur kod dalam filem bukan sahaja berfungsi sebagai strategi linguistik untuk menyesuaikan diri dengan konteks sosial dan topik perbualan, malah turut mencerminkan faktor emosi atau kesan afektif penutur. Faktor ini merujuk kepada kecenderungan penutur menggunakan kod alternatif bagi mengekspresikan emosi yang mendalam atau untuk memberi penegasan terhadap perasaan tertentu. Holmes (2008) menjelaskan bahawa individu cenderung untuk beralih kod apabila bahasa asal mereka tidak mampu menyampaikan perasaan emosi yang dikehendaki secara tepat dan menyeluruh.

Jadual 5 Faktor Kesan Afektif

Watak	Dialog
Azura	<i>He is not God</i> , tok hassan tak berhak nilai tatatertib zura sebagai seorang muslimah bah

Berdasarkan Jadual 5, dialog watak Azura yang berbunyi "*he is not God*" merupakan contoh signifikan bagi penerapan faktor afektif dalam percampuran kod. Ujaran ini dituturkan kepada watak Salihin sebagai respons terhadap sikap Tok Hassan yang kerap kali mempersoalkan kelakuan dan tatatertib Azura di persekitaran kampung. Dalam konteks ini, penggunaan bahasa Inggeris oleh Azura bukan sahaja bersifat informatif, tetapi juga bersifat ekspresif dan performatif bagi menonjolkan kemarahan, ketidakpuasan hati, serta usaha untuk menolak dominasi moral Tok Hassan ke atas dirinya. Peralihan kod kepada bahasa Inggeris dalam ungkapan tersebut berperanan memperhebat ekspresi emosi Azura. Hal ini kerana struktur frasa *he is not God* membawa konotasi yang tegas, konfrontatif, dan sukar untuk dicapai sekiranya diterjemahkan terus ke dalam bahasa Melayu tanpa kehilangan impak semantiknyanya. Tambahan pula, ujaran tersebut dilafazkan dalam intonasi tinggi, melambangkan tekanan emosi yang sedang dialami oleh penutur, sekaligus menekankan fungsi afektif campur kod dalam konteks dramatik dan naratif filem. Dalam hal ini, peralihan kepada bahasa Inggeris dapat difahami sebagai strategi linguistik dan retorik yang membolehkan penutur mencapai maksud emosi dengan lebih padat dan berkesan, seperti yang turut disokong oleh dapatan Anne dan Saidatul (2020), bahawa percampuran kod dalam bahan tontonan kerap digunakan untuk memperkuat emosi serta menarik perhatian khalayak terhadap peristiwa penting dalam dialog. Maka, jelaslah bahawa penggunaan frasa *he is not God* bukan sekadar penegasan terhadap status atau kedudukan Tok Hassan, tetapi merupakan bentuk penolakan terhadap hegemoni nilai yang dikawal oleh pihak berautoriti melalui pernyataan emosi yang tajam dan bersifat pertentangan.

Jadual 6 Faktor Kesan Afektif

Watak	Dialog
Azura	Siapa yang bagi dia kuasa untuk pilih apa yang kita boleh dibaca, dengar, tengok kat kampung ni? <i>That's fascist</i> ba
Salihin	Abah dah bagitau kan? Kalau kau tak suka undang-undang kampung ni, kau usulkan kat jawatankuasa kampung. Abah <i>confirm</i> sokong kau
Azura	Eh macam la zura nak protes undang-undang kampung depan <i>all these middle age Malay men</i>
Salihin	Eh hello? Abah bukan <i>middle age</i> eh
Azura	Ah, <i>righttt</i>

Dalam Jadual 6, watak Azura sekali lagi menegaskan kemarahannya melalui penggunaan istilah *that's fascist*. Istilah tersebut merupakan terminologi yang berakar dalam ideologi politik, di mana Azura mengaitkan tindakan Tok Hassan yang kerap mengawal informasi yang boleh didengar, dibaca, dan dilihat di kampung tersebut sebagai manifestasi sikap autoritarian yang mengutamakan kuasa. Dengan itu, Azura menegaskan bahawa tindakan Tok Hassan bersifat zalim dan menindas. Penggunaan campur kod dalam konteks ini membolehkan Azura menyampaikan emosi kemarahannya secara lebih tepat dan berkesan. Tambahan pula, istilah *fascist* bukanlah istilah lazim dalam masyarakat setempat, malah merujuk kepada konsep politik yang tidak begitu dikenali oleh umum. Kekangan dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu untuk menggambarkan konsep tersebut dengan tepat menjadikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pilihan yang lebih efektif dalam memperjelas sifat watak Tok Hassan. Dengan demikian, penggunaan campur kod ini bukan sekadar memperkuat ekspresi emosi, malah menunjukkan kedalaman makna yang ingin disampaikan oleh watak Azura. Seterusnya, watak Salihin menggunakan campur kod dalam perkataan *confirm* yang bermaksud 'pasti', sebagai satu usaha untuk meyakinkan Azura bahawa sokongan terhadap cadangan undang-undang kampung adalah tidak berbelah bagi. Penggunaan campur kod ini turut berperanan sebagai strategi untuk menzahirkan keyakinan emosi Salihin terhadap hujah Azura, sekaligus mengakui kebenaran dan legitimasi perasaan marah yang dibawa oleh Azura terhadap undang-undang yang dianggap menindas. Melalui campur kod ini, Salihin menunjukkan hubungan interpersonal yang rapat dan menyokong Azura secara emosional. Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris oleh Salihin seperti dalam ujaran *hello* dan *middle age* juga mencerminkan dinamika hubungan yang intim antara kedua watak. Penggunaan bahasa Inggeris oleh Salihin adalah tindak balas kepada penggunaan bahasa Inggeris oleh Azura, yang merupakan remaja terdedah kepada pengaruh budaya Barat. Salihin memetik semula istilah *middle age* yang digunakan oleh Azura untuk merujuk kepada dirinya sendiri dan jawatankuasa kampung, sekaligus mengukuhkan rasa kesepaduan dan keterikatan emosi antara mereka. Oleh itu, campur kod bukan sahaja berfungsi sebagai alat ekspresi emosi tetapi juga sebagai penanda hubungan sosial yang rapat. Akhir sekali, penggunaan campur kod *Ahh, rightt* oleh Azura, yang bermaksud 'betul', walaupun ringkas, membawa konotasi emosi yang kompleks. Nada sarkastik yang diiringi dengan bahasa tubuh seperti menjulingkan mata menunjukkan adanya unsur sindiran dan keraguan terhadap kenyataan Salihin. Oleh itu, penggunaan campur kod *right* dalam konteks ini berperanan untuk menyampaikan makna yang bersifat sinis dan skeptikal. Maksud sebenar yang ingin disampaikan bergantung kepada intonasi dan gestur penutur, dan dalam konteks dialog antara Azura dan Salihin, ia mencerminkan perasaan tidak percaya dan sangsi. Secara keseluruhannya, dialog antara Azura dan Salihin memperlihatkan penggunaan percampuran kod (code-switching) sebagai mekanisme linguistik untuk memaparkan pelbagai emosi yang berbeza. Penggunaan campur kod ini didorong oleh faktor kesan afektif, yang membolehkan watak-watak menyampaikan perasaan secara lebih dramatik dan berkesan.

berbanding penggunaan bahasa Melayu sahaja. Selain itu, campur kod turut berfungsi untuk menarik perhatian pendengar agar lebih memberi fokus dan mengambil serius terhadap emosi yang ingin disampaikan. Seajar dengan pandangan Nur Ilyani dan Nora'Azian (2020), bahasa Inggeris menawarkan kemudahan dalam menggambarkan emosi secara lebih ringkas dan tepat. Oleh yang demikian, penggunaan campur kod dalam perbualan ini bukan sahaja memperkaya dimensi makna tetapi juga meningkatkan keberkesanan penyampaian emosi dan perasaan watak.

Jadual 7 Faktor Kesan Afektif

Watak	Dialog
Azura	Kau ingat abah ni bodoh eh, tak tahu cara kau. Kau tak boleh simpan rahsia la dengan abah.
Salihin	Nak rahsia apa? Yang zura dah lama <i>sexually active</i> ?
Azura	Buat lawak kau ek
Salihin	<i>I don't know...</i> Bah.. belikan zura <i>pregnancy test kit</i> boleh?
Azura	Kau buat lawak kan?

Berdasarkan analisis Jadual 7, dialog perbualan memaparkan situasi di mana watak Azura ditangkap ketika cuba keluar rumah tanpa pengetahuan Salihin. Dalam konteks ini, penggunaan campur kod oleh Azura melalui istilah-istilah seperti *sexually active*, *I don't know*, dan *pregnancy test kit* berfungsi sebagai satu bentuk gurauan kepada Salihin. Istilah-istilah ini membawa konotasi yang khusus dan agak kontroversial dalam masyarakat Melayu, kerana ia merujuk kepada aspek seksual yang lazimnya dianggap tabu dan sensitif dalam norma budaya Melayu yang amat menekankan rasa malu, terutamanya dalam kalangan wanita muda. Kedua-dua istilah *sexually active* dan *pregnancy test kit* merupakan konsep yang sukar diterjemahkan secara tepat ke dalam bahasa Melayu tanpa kehilangan makna tersirat yang berkait rapat dengan nilai sosial dan moral masyarakat Melayu. Topik berkaitan seksualiti jarang dipertuturkan secara terbuka dalam interaksi sosial masyarakat Melayu, dan penggunaan istilah tersebut oleh remaja perempuan yang belum berkahwin boleh menimbulkan pandangan negatif serta stigma sosial. Dalam konteks dialog antara Azura dan Salihin, penggunaan istilah-istilah ini bukanlah manifestasi literal terhadap pengalaman atau perlakuan sebenar Azura, tetapi lebih sebagai strategi pragmatik untuk menghasilkan kesan gurauan yang melibatkan unsur dramatik dan jenaka yang berunsur provokatif. Tambahan pula, Azura dengan sengaja menggunakan istilah tabu tersebut sebagai satu bentuk sindiran halus terhadap usaha Salihin yang cuba menghalangnya daripada keluar rumah untuk menonton wayang. Hal ini menunjukkan konflik generasi yang melibatkan norma sosial dan kebebasan peribadi dalam kalangan remaja. Penggunaan istilah tabu dalam situasi ini berfungsi sebagai alat retorik bagi Azura untuk menimbulkan kerisauan serta kekeliruan dalam kalangan pihak dewasa, sekaligus mengurangkan tahap kepercayaan yang diberikan oleh Salihin sebagai figura ayah. Melalui mekanisme campur kod ini, Azura berjaya menghasilkan interaksi yang lebih dramatik dan berkesan dari segi komunikasi sosial, di mana gurauan tersebut membawa makna tersirat yang mencerminkan realiti pertembungan budaya dan nilai dalam masyarakat Melayu kontemporari.

Secara keseluruhan, penggunaan campur kod dalam dialog ini menampilkan peranan penting dalam membentuk dinamik hubungan antara watak, selain memperlihatkan bagaimana bahasa digunakan sebagai alat ekspresi identiti, emosi, dan negosiasi kuasa dalam konteks sosial yang kompleks. Pendekatan campur

kod ini juga memperlihatkan bagaimana bahasa Inggeris, khususnya dalam topik-topik yang dianggap sensitif, dapat dimanfaatkan secara strategik untuk menyampaikan mesej yang lebih halus dan berlapis, sekaligus menggambarkan perkembangan linguistik dalam kalangan remaja Melayu yang terdedah kepada pengaruh globalisasi dan perubahan budaya.

Faktor Peminjaman Leksikal

Menurut Holmes (2008), peminjaman leksikal berlaku apabila penutur menghadapi kekurangan dalam penguasaan kosa kata dalam sesuatu bahasa, lalu mengambil kata atau istilah daripada bahasa lain untuk melengkapkan komunikasi mereka. Fenomena peminjaman ini melibatkan integrasi perkataan asing ke dalam ayat tanpa mengubah struktur tatabahasa asal, di mana kata pinjaman tersebut digunakan dan diucapkan seolah-olah ia merupakan sebahagian daripada sistem linguistik bahasa penutur itu sendiri. Dengan kata lain, penggunaan peminjaman leksikal mencerminkan adaptasi linguistik yang halus, di mana unsur-unsur dari bahasa lain diserap secara semula jadi ke dalam bahasa penutur, sekaligus memperkaya dan mempengaruhi perkembangan bahasa tersebut.

Jadual 8 Faktor Peminjaman Leksikal

Watak	Dialog
Azura	<i>First of all</i> , Ustazah Maimon yang periksa beg zura dan ambil petisyen itu tanpa meminta izin. Bagi zura, apa yang dibuatnya tu bukan saja tidak berperlembagaan tapi dia dah menceroboh privasi zura

Jadual 8 memaparkan penggunaan campur kod melalui istilah *first of all*, yang membawa maksud ‘pertama sekali’. Dialog tersebut diucapkan oleh watak Azura sebagai usaha untuk menjelaskan situasinya sewaktu disoal oleh Tok Hassan mengenai tindakannya. Penggunaan campur kod *first of all* oleh Azura boleh difahami melalui lensa fenomena peminjaman leksikal. Istilah ini berfungsi sebagai penanda wacana yang lazim digunakan untuk memulakan penerangan atau hujahan dalam perbualan. Secara linguistik, peminjaman penanda wacana *first of all* tidak mengganggu atau mengubah struktur tatabahasa ayat dalam bahasa Melayu, sebaliknya ia digunakan secara lancar seolah-olah telah menjadi sebahagian daripada sistem tatabahasa bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini sejajar dengan definisi peminjaman leksikal yang dikemukakan oleh Nur Ilyani dan Nora’Azian (2020), yang menyatakan bahawa proses peminjaman leksikal melibatkan pengambilan perkataan atau unsur leksikal daripada bahasa lain dan penyesuaian penggunaannya ke dalam bahasa penerima. Oleh yang demikian, penggunaan campur kod oleh watak Azura melalui istilah *first of all* adalah manifestasi jelas fenomena peminjaman leksikal dalam komunikasi sehari-hari, yang menunjukkan bagaimana unsur bahasa asing diserap dan disesuaikan secara pragmatik untuk memenuhi keperluan penutur dalam menyampaikan makna dan menstrukturkan wacana.

Jadual 9 Faktor Peminjaman Leksikal

Watak	Dialog
Azura	Orangnya baik lah bah, zura tahu la <i>judge character</i> orang. Abah tak percaya kan zura ke?

Jadual 9 memperlihatkan dialog yang diucapkan oleh watak Azura terhadap Salihin, di mana penggunaan campur kod dapat dikenalpasti melalui istilah *judge character*. Jika diterjemahkan secara literal, istilah ini membawa maksud ‘menilai perwatakan’. Namun, dalam konteks dialog, Azura bermaksud untuk menyatakan kebolehannya dalam menilai watak seseorang. Penggunaan istilah tersebut dapat dijelaskan melalui fenomena peminjaman leksikal yang berlaku dalam bahasa Melayu. Walaupun istilah *judge character* digunakan dalam struktur ayat Melayu secara tepat dan sesuai, dari sudut tatabahasa bahasa Inggeris, penggunaan frasa ini adalah tidak standard kerana ia tidak mempunyai objek yang jelas antara *judge* dan *character*, justeru dianggap sebagai kesalahan tatabahasa. Namun begitu, dalam konteks campur kod, istilah ini telah dipinjam dan disesuaikan ke dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu tanpa mengubah struktur ayat asal, sebaliknya ia berfungsi secara gramatikal dan semantik dalam bahasa Melayu. Situasi ini menegaskan bahawa faktor utama penggunaan campur kod oleh watak Azura adalah kerana proses peminjaman leksikal, di mana unsur bahasa asing diadaptasi dan diselaraskan ke dalam bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan komunikasi penutur. Ini sekaligus menggambarkan fleksibiliti bahasa Melayu dalam menyerap elemen luar tanpa menjejaskan struktur tatabahasanya, terutamanya dalam konteks interaksi sosial dan ekspresi personal.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini secara menyeluruh membuktikan bahawa fenomena percampuran kod dalam filem La Luna merupakan suatu strategi linguistik yang kompleks dan signifikan dalam wacana media. Penggunaan campur kod dalam filem ini tidak berlaku secara rawak atau arbitrari, sebaliknya digerakkan oleh empat faktor utama yang dikenal pasti melalui Teori Holmes (2008), iaitu faktor peserta, solidariti dan status, faktor topik, faktor kesan afektif, dan faktor peminjaman leksikal. Secara keseluruhannya, kajian ini tidak hanya mengesahkan bahawa percampuran kod ialah manifestasi kecekapan dwibahasa, tetapi juga menunjukkan bahawa ia merupakan satu bentuk representasi identiti, kuasa, dan nilai dalam masyarakat majmuk. Penggunaan campur kod dalam filem memperlihatkan evolusi bahasa dalam ruang sosial yang dinamik dan membentuk realiti linguistik baharu dalam masyarakat Malaysia moden. Namun demikian, walaupun fenomena ini memperkaya dimensi komunikasi dan naratif visual, ia juga memunculkan kebimbangan terhadap keutuhan dan penguasaan bahasa Melayu standard, khususnya dalam kalangan penonton muda. Oleh itu, satu kerangka kawalan yang seimbang antara kebebasan ekspresi bahasa dan pemeliharaan norma linguistik nasional perlu dipertimbangkan secara serius oleh penggiat industri media dan penggubal dasar bahasa.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan hasil kerjasama antara pensyarah dengan pelajar projek ilmiah tahun akhir. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Wan Nur Mariah Wan Mohd Ghazni atas kerjasama dan usaha menerbitkan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Alpert, R., & Haber, R. (1960). Anxiety In Academic Achievement Situations. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 61, 207–215.
- Hakim, M. S., Ahmad Raof, N. A., & Ma'alip, S. (2021). Percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di Instagram. *Jurnal Melayu*, 20(2), 579–601. <https://jurnalmelayu.dbp.my>.
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). Routledge. <https://www.routledge.com/An-Introduction-to-Sociolinguistics/Holmes>.
- Kihob, A. J., & Mahali, S. N. H. (2020). Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 97. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU>.
- Mazlina Ahmad, Min Cho, Hafizah Abdul, & Abdul Rashid, Roswati. (2023). Penukaran kod dalam adaptasi komunikasi pelajar jurusan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 97–110. <https://jurnal.dbp.my/index.php/linguistik>.
- Muhammad Zaid, & Mohamad Nasir, Z. (2022). Corak penggunaan percampuran kod dalam kalangan pelajar Malaysia di China. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 4(2), 15–29. <https://jcsi.uitm.edu.my>.
- Mohamad Yusrizal Mohammad Noor, & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2021). Percampuran kod dialek ekspresif dalam filem *Polis Evo*. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 105–123. <https://journals.iium.edu.my/irkh/index.php/youngscholars>.
- Norasiah Masri, & Ernawita Atan. (2022). Percampuran kod masyarakat Melayu bilingual dalam aplikasi WhatsApp. *Mahawangsa: Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 9(2), 111–122.
- Nur Ilyani Natasha, & Nora'Azian. (2020). Percampuran kod dalam filem *Paskal the Movie*. *International Young Scholars Journal of Languages*. <https://journals.iium.edu.my/irkh/index.php/youngscholars>.
- Noorhafizah Zulkifli, & Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Percampuran kod dalam drama *The Hotel* 2021. *Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*, 44(3), 34–51. <https://dbpb.gov.bn/jurnalbahasa>.